

## **KAJIAN KES PENGGUNAAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM (GCPI) SEKOLAH BANDAR DAN LUAR BANDAR: SATU KAJIAN PERBANDINGAN**

KAMARUL AZMI JASMI<sup>1\*</sup>, AB. HALIM TAMURI<sup>2</sup> & MOHD IZHAM MOHD HAMZAH<sup>3</sup>

**Abstrak.** Salah satu ciri pengajaran berkesan ialah kepelbagaian dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kepelbagaian dalam kaedah pengajaran bertujuan untuk memberi pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang bermakna kepada para pelajar malah meningkatkan motivasi mereka untuk belajar. Melihat kepada kepentingan penggunaan pengkaedahan ini, maka pengkaji terdorong untuk mengkaji bentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh lapan orang Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) yang mengajar di pelbagai jenis sekolah menengah di luar bandar dan bandar sebagai satu kajian perbandingan. Hasil dapatan data soal selidik menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan yang serupa dalam penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI di sekolah menengah luar bandar dan bandar. Pada bahagian akhir kertas kerja ini, beberapa cadangan juga dikemukakan bagi meningkatkan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih pelbagai di sekolah luar bandar dan bandar.

*Kata kunci:* Kaedah pengajaran dan pembelajaran; motivasi; GCPI

**Abstract.** One of the characteristics of effective teaching is the base of various methods in teaching and learning in the classroom. Diversity in teaching tries to bring teaching and learning experience meaningful lastly to increase student's motivation. Seeing the importance of using this methodology, the researchers try to compelled the nature of teaching and learning methods adopted by the eight Excellent Teachers of Islamic Education (ETIE) who taught in various rural and urban types schools comparative study. The findings shows that there were a similar methods of teaching and learning used ETIE in both rural and urban school to improve student academic performance. Suggestions also forwarded to improve teaching and learning methods use rural and urban schools.

*Keywords:* Methods of teaching and learning; motivation; GCPI

---

<sup>1</sup> Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor  
<sup>2&3</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor  
\* Corresponding author: [gamar@utm.my](mailto:gamar@utm.my)

## 1.0 PENGENALAN

Aspek kritikal keupayaan guru dalam mempersembahkan pengajaran efektif dan cemerlang ialah kemahiran mengadaptasi metodologi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kepelbagaian metodologi dan kaedah yang sesuai dengan situasi dan keupayaan pelajar merupakan seni pengajaran guru cemerlang yang berpengalaman. Hal ini banyak ditegaskan oleh pengkaji pendidikan yang boleh disimpulkan bahawa pengalaman mengajar guru cemerlang biasanya mampu meningkatkan kemahiran pemilihan pengkaedahan ketika proses pengajaran (Fuller, 1969; Berliner, 2005). Garapan kaedah yang digunakan adalah jelas dan sesuai. Biasanya, strategi guru cemerlang menggunakan aktiviti yang berpusatkan pelajar namun kaedah yang berpusatkan guru turut dilaksanakan (Rosoff, 2007; Owens, 2006; Debevec, *et al.* 2006; Pratte & Laposata, 2005; Hsu & Shiue, 2005; James, 2005).

## 2.0 TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Asas pemilihan kaedah seperti yang ditegaskan oleh al-Syaibani (1979) adalah mengikut kesesuaian tujuan pendidikan yang ingin dicapai dalam sesuatu bidang pelajaran, tahap perkembangan, kematangan, serta kecerdasan para pelajar.

Pengunaan metode dan teknik yang dimaksudkan memberi kesan yang besar terhadap kejayaan dalam pembelajaran. Selain itu, kaedah dan teknik yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. juga diaplikasi. Hal ini demikian kerana teknik dan kaedah Rasulullah s.a.w. ini adalah yang paling dekat dengan pengajaran Pendidikan Islam disebabkan Baginda s.a.w. merupakan tokoh pendidikan ulung. Dalam membicarakan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Rasulullah s.a.w., Abdullah Nasih Ulwan (1988 & 98) menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. mempunyai kaedah yang signifikan dalam menyampaikan nasihat dan pengajaran. Kaedah pengajaran Baginda pula bergantung kepada situasi sesebuah masyarakat atau individu dan persekitarannya. Antara pengajaran asas utama terpenting daripada kaedah Rasulullah s.a.w. dalam menyampaikan pengajaran Baginda ialah:

- (1) Mementingkan cara bercerita.
- (2) Mengambil cara bersoal jawab.

- (3) Memulakan nasihat dengan pengajaran dan bersumpah dengan nama Allah S.W.T.
- (4) Menyertakan senda gurau dalam pengajaran.
- (5) Menimbulkan kegerunan kepada pendengar dalam nasihat.
- (6) Pengajaran dan nasihat dengan membuat perumpamaan.
- (7) Pengajaran menggayakan dengan tangan.
- (8) Berhikmah dalam pengajaran kerana khuatir mendatangkan rasa jemu.
- (9) Nasihat dan pengajaran dengan gambar dan keterangan.
- (10) Pengajaran secara praktikal.
- (11) Pengajaran daripada sesuatu keadaan yang munasabah dan logik.
- (12) Pengajaran daripada persoalan mudah kepada yang lebih penting.
- (13) Pengajaran dengan menunjukkan benda yang diharamkan (setelah penjelasan diberi).

Ringkasnya, Rasulullah s.a.w. menggunakan kaedah yang pelbagai dalam membimbing. Kaedah bimbingan mengandungi perasaan khusyuk kepada cara bergurau senda yang ringan; membuat misalan; menerangkan dan memberi gambaran; penerangan dengan verbal dan isyarat tangan; huraian pengajaran di samping mendemonstrasi cara melaksanakan sesuatu amal; memberi ingatan dan nasihat dengan keterangan al-Quran di samping menggunakan ibarat dan kiasan; dan melarang dengan kata-kata.

Pierce dan Lorber (1967) berpendapat bahawa terdapat dua prinsip utama dalam memilih strategi atau kaedah P&P, iaitu kebanyakan strategi atau kaedah pembelajaran perlu dirancang. Perancangan pembelajaran yang tidak cukup mengakibatkan pengajaran tersebut tidak berpandu kepada objektif pembelajaran yang nanti membazirkan masa pembelajaran pelajar atau mengakibatkan pengajaran lebih berpusatkan kepada teks atau guru sebagai sumber pengajaran. Apabila suasana ini terjadi, maka pembelajaran menjurus kepada aktiviti bacaan dan kefahaman sahaja. Berdasarkan kepada konsep pembelajaran, perancangan dalam strategi atau kaedah pengajaran dan pembelajaran amat perlu kerana perancangan dapat memaksimumkan penggunaan masa yang diperuntukkan secara efektif dan meminimumkan aktiviti yang tidak produktif. Prinsip kedua, strategi atau kaedah pengajaran dan pembelajaran mesti bersifat fleksibel. Hal ini demikian kerana seorang guru tidak dapat memastikan apakah kaedah pelajaran yang baik atau yang praktis dalam semua keadaan, masa, topik pelajaran dan

kemahiran pelajar. Ketidakpastian ini disebabkan wujudnya perbezaan dalam kalangan guru, pelajar dan juga topik pelajaran. Bagaimanapun, pada dasarnya guru harus memberi pertimbangan kepada kesan positif hasil daripada kaedah pengajaran yang diguna pakai dalam membantu mencapai objektif pengajaran.


Secara ringkas, dalam memilih strategi atau kaedah P&P, guru perlu sentiasa memikirkan cara untuk memastikan penglibatan pelajar agar interaksi di dalam kelas menjadi aktif. Pemilihan strategi dan kaedah P&P perlu dipertimbangkan kerana dengannya memungkinkan pembelajaran yang lebih efektif dan efisien. Pembelajaran yang berkualiti hanya tercapai jika guru mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang luas tentang pelbagai teknik dalam pengajaran.

### **3.0 TEORI KAJIAN**

Teori yang digunakan dalam kajian ini merupakan teori yang digunakan oleh al-Ghazali (t.t.) yang menegaskan bahawa guru cemerlang ialah guru yang mempunyai rasa simpati kepada pelajar dan menganggap serta melayani mereka sebagaimana anaknya sendiri. Dia juga sentiasa mengamalkan akhlak dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. selain ikhlas dalam pengajaran dan pembelajarannya dengan tidak meminta imbuhan atas perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, guru cemerlang adalah guru yang cekap dan terlatih serta sangat berpengetahuan terhadap sesuatu perkara yang hendak diajar. Guru juga sentiasa memberi nasihat kepada para pelajarnya dan tidak cepat mara malah membetulkan perlakuan buruk para pelajarnya. Guru cemerlang juga mengutamakan aspek disiplin ilmu selain mempunyai komunikasi berkesan ketika pengajaran dan pembelajaran dan mengajar para pelajar mengikut tahap kemampuan mereka. Di samping itu, guru cemerlang juga mengutamakan hubungan antara guru cemerlang dengan Allah S.W.T. dan pelajar melalui ilmu, kemahiran, keperibadian, dan motivasi mengikut pandangan al-Ghazali ini seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.


Berdasarkan Rajah 1, guru yang berkesan menurut al-Ghazali (t.t.) bermaksud berlaku gabungan antara ciri unggul dalaman guru dan ciri unggul pengajaran dan pembelajaran mampu menghasilkan pengajaran berkesan guru di dalam kelas dan kuliahnya. Ciri dalaman terdiri daripada penghayatan ilmu Islam, motivasi yang berbentuk keikhlasan dalam pengajaran serta keperibadian berbentuk akhlak luaran seperti kasih dan sayang kepada para pelajar seperti anak sendiri dan berhikmah ketika pengajaran. Manakala, ciri unggul guru dalam pengajaran terdiri

daripada memiliki kemahiran ilmu, komunikasi dan pedagogi sehingga mampu memberikan pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap keupayaan pelajar.



**Rajah 1** Teori guru cemerlang menurut al-Ghazali (t.th.)

Berdasarkan teori al-Ghazali, pengkaji membina teori kajian yang menumpukan kepada kemahiran pedagogi dan hubungannya dengan motivasi pelajar ketika dalam pengajaran dan pembelajaran GCPI di lapan buah sekolah terpilih yang terdiri daripada empat buah sekolah bandar dan empat buah sekolah luar bandar sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



**Rajah 2** Teori kajian hubungan motivasi pelajar dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI di sekolah bandar dan sekolah luar bandar

#### 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan teori kajian, pengkaji membina tiga objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini, iaitu:

- (1) Mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran GCPI mengikut persepsi pelajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas antara sekolah di bandar dan luar bandar.
- (2) Mengenal pasti perbezaan tahap motivasi pelajar bandar dan luar bandar ketika berada di dalam pengajaran dan pembelajaran GCPI.
- (3) Menentukan hubungan antara motivasi pelajar dengan tahap kemahiran pedagogi GCPI di dalam kelas antara sekolah bandar dan luar bandar.

Melalui objektif ini, kajian ini ingin menjawab hipotesis nol kajian, iaitu:

$H_0$ : Tidak terdapatnya hubungan yang signifikan antara tahap motivasi pelajar bandar dan luar bandar dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI ketika pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

#### 5.0 KESAHAN KAJIAN

Kesahan kajian ditentukan berdasarkan kesahan muka dan kandungan instrumen, iaitu soal selidik telah dibina bersama pelajar tingkatan empat dan seorang guru mereka. Di samping itu, kesahan lapan orang pakar Pendidikan Islam daripada pelbagai institusi pula telah dilakukan. Kesahan kandungan soal selidik ini pula dilaksana melalui kajian rintis. Kajian rintis dilaksanakan di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan dengan responden terdiri daripada pelajar tingkatan 4 dan 5. Sekolah pertama di selatan semenanjung Malaysia dengan 37 orang responden, manakala sekolah kedua pula di bahagian tengah semenanjung dengan 50 orang pelajar yang juga daripada tingkatan 4 dan 5. Setelah selesai kajian rintis pertama, pengkaji melakukan beberapa perubahan terhadap item yang dianggap mengelirukan oleh responden sebelum melakukan kajian rintis yang kedua. Hasil analisis *Alfa* sebagai mana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Dapatan nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* dalam Rintis I dan II

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Rintis I</b>	<b>Rintis II</b>
1.	Persepsi pelajar terhadap 29 kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI	0.91	0.93
2.	Persepsi pelajar terhadap tahap motivasi dan minat mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam	0.70	0.86

Nilai *Alfa* dalam kajian rintis ini menunjukkan item mempunyai tahap kesahan kandungan yang tinggi dan sesuai seperti Jadual 2. Menurut Bogdan dan Biklen (2003) dan Cohen *et al.* (2000), nilai pekali *alfa* yang melebihi nilai 0.80 lazimnya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima. Namun begitu, Mohamad Najib (1999) menegaskan bahawa nilai pekali *alfa* 0.6 juga sudah memadai bagi soal selidik sains sosial seperti kajian dalam Pendidikan.

**Jadual 2** Klasifikasi indeks kebolehpercayaan *Alpha Cronbach*

<b>Indikator</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
<i>Sangat tinggi</i>	> 0.90
<i>Tinggi</i>	0.70-0.89
<i>Sederhana</i>	0.30-0.69
<i>Rendah</i>	< 0.30

(George and Mallery, 2003)

## 6.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini berkisar kepada analisis tentang latar belakang. Jadual 3 menunjukkan bahawa daripada 687 orang pelajar terdiri daripada 51.7% pelajar bandar dan 48.3% pula adalah pelajar luar bandar. Daripada 687 pelajar, 70% responden adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 5 dan 25.5% pelajar tingkatan 4 dan hanya 3.9% responden adalah daripada tingkatan 6.

**Jadual 3** Latar belakang responden pelajar GCPI

<b>Pelajar di Bawah Penyeliaan GCPI</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>%</b>
Bandar	355	51.7
Luar bandar	332	48.3
<b>Jumlah</b>	<b>687</b>	<b>100.0</b>

**Jadual 4** Pembahagian responden pelajar GCPI berdasarkan tingkatan

<b>Tingkatan</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>%</b>
Tingkatan 4	Bandar	107	15.57
	Luar Bandar	68	9.90
Tingkatan 5	Bandar	221	32.17
	Luar Bandar	264	38.43
Tingkatan 6	Bandar	27	3.93
	Luar Bandar	0	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>687</b>	<b>100.0</b>

Pengkaji dalam kajian ini menggunakan jadual interpretasi yang dirumuskan oleh Nunally (1978) dan digunakan oleh Azhar (2006), Mohamad Khairul Azman (2006) serta Che Zakiah (2005) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 9 bagi bagi memberikan gambaran yang lebih mudah tentang tahap penggunaan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran GCPI serta tahap motivasi pelajar mereka seperti yang dikehendaki dalam kajian ini.

**Jadual 5** Interpretasi skor min nunally (1978)

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi</b>
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.00-2.00	Rendah

Kajian ini mengkhususkan kepada 29 kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran oleh GCPI. 29 bentuk kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran ini dipecahkan mengikut persepsi pelajar bandar dan luar bandar bagi mendapatkan skor min yang disusun daripada nilai tertinggi dan nilai yang terendah sebelum dibahagikan kepada kumpulan bandar dan luar bandar.



Berdasarkan Jadual Nunally (1978), skor min keseluruhan kaedah pengajaran dan pembelajaran menurut pelajar GCPI bandar lebih tinggi berbanding luar bandar dengan min 3.24 bagi bandar dan 3.06 bagi luar bandar. Faktor kemudahan sekolah dan bilik darjah, keupayaan ICT dan pendedahan terhadap kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran mencorakkan keseluruhan perbezaan skor min ini.

**Jadual 6** Min keseluruhan kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI pelajar bandar dan luar bandar bagi semua kategori

<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Bandar</b>	<b>Min</b>	<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Luar Bandar</b>	<b>Min</b>
Min Keseluruhan	3.24	Min Keseluruhan	3.06
<i>N</i>	355	<i>N</i>	322

*Soal selidik dengan 5 pilihan jawapan: 1 = Sangat Tidak Kerap (STK), 2 = Tidak Kerap (TK), 3 = Agak Kerap (AK), 4 = Kerap (K), dan 5 = Sangat Kerap (SK)*

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan kaedah boleh dibahagi kepada empat kategori penggunaan, iaitu tahap tinggi, sederhana tinggi, sederhana rendah, dan rendah. Penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran tahap tinggi menunjukkan bahawa kedua-dua GCPI ada menggunakan kaedah ‘guru membetulkan bacaan’ dan ‘latih tubi’ (skor min pelajar bandar = 4.18 & 4.06; skor min pelajar luar bandar = 4.10 & 4.16). Min lain pada tahap tinggi bagi kaedah pengajaran dan pembelajaran bandar ialah bacaan beramai-ramai (min = 4.26) dan luar bandar ialah ‘bercerita’ (min = 4.12) (Lihat Jadual 7).

**Jadual 7** Min kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI dan sisihan piawai pelajar bandar dan luar bandar kategori tinggi

<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Bandar</b>	<b>Min</b>	<b>S/P</b>	<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Luar Bandar</b>	<b>Min</b>	<b>S/P</b>
Bacaan beramai-ramai	4.26	1.80	Latih tubi	4.16	1.03
Guru membetulkan bacaan	4.18	0.97	Bercerita	4.12	1.12
Latih tubi	4.06	1.09	Guru membetulkan bacaan	4.10	1.11

*Soal selidik dengan 5 pilihan jawapan: 1 = STK, 2 = TK, 3 = AK, 4 = K, dan 5 = SK; S/P: Sisihan Piawai*

Manakala penggunaan pengajaran dan pembelajaran pada tahap sederhana tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8 membuktikan terdapat sembilan kaedah yang sama tahap antara kaedah pengajaran dan pembelajaran luar bandar dengan bandar. Kaedah tersebut termasuklah teknik ‘soal jawab’ (bandar, min = 3.99; luar bandar, min = 3.90), perbincangan dalam kumpulan (min = 3.94 [bandar]; 3.57 [luar bandar]), ‘perbincangan guru pelajar’ (min = 3.98 [luar bandar]; 3.93 [bandar]), ‘memperdengarkan bacaan ayat al-Quran’ (min = 3.81 [bandar]; min = 3.67 [luar bandar]), ‘tunjuk cara’ (min = 3.71 [bandar]; min = 3.54 [luar bandar]), ‘kuliah’ (min = 3.78 [luar bandar]; min = 3.65 [bandar]), ‘motivasi’ (min = 3.92 [luar bandar] dan 3.65 [bandar]), ‘menghafaz secara individu’ (min = 3.59 [bandar] dan 3.57 [luar bandar]), menghafaz dalam kumpulan (min = 3.57 [luar bandar]; 3.35 [bandar]) dan akhir sekali ‘amali’ (min = 3.29 [bandar] dan 3.28 [luar bandar]). Pada tahap ini sebagai tambahan terdapat tiga kaedah yang hanya digunakan oleh GCPI bandar berbanding luar bandar, iaitu bercerita (min = 3.82), pengurusan peta minda (min = 3.73), dan ‘brainstorming’ (3.14).

**Jadual 8** Min kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI dan sisihan piawai pelajar bandar dan luar bandar kategori sederhana tinggi

<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Bandar</b>	<b>Min</b>	<b>S/P</b>	<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Luar Bandar</b>	<b>Min</b>	<b>S/P</b>
Soal jawab	3.99	1.07	Perbincangan guru pelajar	3.98	1.11
Perbincangan dalam kumpulan	3.94	1.17	Motivasi (Targhib)	3.92	1.15
Perbincangan guru pelajar	3.93	1.13	Soal jawab	3.90	1.10
Bercerita	3.82	1.12	Bacaan beramai-ramai	3.86	1.07
Memperdengarkan bacaan ayat	3.81	1.14	Kuliah (penerangan)	3.78	1.31
Pengurusan Peta minda	3.73	1.25	Memperdengarkan bacaan ayat	3.67	1.17
Tunjuk cara	3.71	1.21	Menghafaz secara individu	3.57	1.21
Kuliah (penerangan)	3.65	1.29	Perbincangan dalam kumpulan	3.57	1.25
Motivasi (Targhib)	3.62	1.16	Tunjuk cara	3.54	1.28
Menghafaz secara individu	3.59	1.21	Amali	3.28	1.17
Menghafaz dalam kumpulan	3.35	1.29			
Amali	3.29	1.25			
Sumbang saran (Brainstorming)	3.14	1.31			

*Soal selidik dengan 5 pilihan jawapan: 1 = STK , 2 = TK, 3 = AK, 4 = K, dan 5 = SK*

Jumlah kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi kategori sederhana rendah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 9 menyaksikan sekolah luar bandar mengatasi sekolah bandar dari segi jumlah kaedah pengajaran dan pembelajaran. Dalam kategori ini terdapat 11 bentuk kaedah yang mempunyai persamaan antara kedua-dua jenis sekolah bandar dan luar bandar. Kategori tersebut ialah ‘meramal masa depan’, ‘tadarus’, ‘forum’, ‘menghafaz secara berpasangan’, ‘halaqah’, ‘pengurusan grafik’, ‘projek’, ‘simulasi’, ‘permainan’, ‘menulis rencana’, dan ‘kajian perpustakaan’. Dalam kategori ini, tiga kaedah yang diguna pada pengajaran dan pembelajaran luar bandar, iaitu ‘menghafaz dalam kumpulan’ (min = 2.99), ‘*brainstorming*’ (Min = 2.92), dan ‘pengurusan peta minda’ (min = 2.86). ketiga-tiga kaedah ini termasuk dalam kategori sederhana tinggi bagi sekolah bandar. Begitu juga terdapat satu kaedah dalam kategori ini yang ada pada sekolah bandar, iaitu tayangan petikan filem atau drama (min = 2.46) yang tidak terdapat dalam sekolah luar bandar.

**Jadual 9** Min kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI dan sisihan piawai pelajar bandar dan luar bandar kategori sederhana rendah

<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Bandar</b>	<b>Min</b>	<b>S/P</b>	<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Luar Bandar</b>	<b>Min</b>	<b>S/P</b>
Meramal masa depan	2.98	1.31	Menghafaz dalam kumpulan	2.99	1.27
Tadarus	2.96	1.28	Sumbang saran (Brainstorming)	2.92	1.32
Forum	2.86	1.16	Pengurusan Peta minda	2.86	1.35
Menghafaz secara pasangan	2.84	1.28	Forum	2.79	1.18
Halaqah	2.76	1.25	Halaqah	2.77	1.27
Pengurusan grafik	2.75	1.26	Meramal masa depan	2.77	2.09
Projek	2.70	1.31	Tadarus	2.75	1.29
Simulasi	2.65	1.33	Menghafaz secara pasangan	2.64	1.23
Permainan	2.49	1.25	Pengurusan grafik	2.29	1.15
Tayangan petikan filem atau drama	2.46	1.46	Simulasi	2.27	1.25
Menulis rencana	2.27	1.13	Kajian perpustakaan	2.19	1.12
Kajian perpustakaan	2.25	1.13	Projek	2.18	1.17
			Menulis rencana	2.16	1.16
			Permainan	2.00	1.06

Soal selidik dengan 5 pilihan jawapan: 1 = STK, 2 = TK, 3 = AK, 4 = K, dan 5 = SK

Kategori terakhir atau yang sangat tidak kerap atau lebih tepat kaedah pengajaran dan pembelajaran ini tidak pernah digunakan di kedua-dua sekolah bandar dan luar bandar oleh GCPI mereka ialah kaedah 'lawatan' (min = 1.87 [luar bandar]; 1.89 [bandar]). Penggunaan petikan filem atau drama juga jarang digunakan di sekolah luar bandar dengan min 1.88 (Lihat Jadual 10).

**Jadual 10** Min kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI dan sisihan piawai pelajar bandar dan luar bandar kategori rendah

<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Bandar</b>	<b>Min</b>	<b>S/P</b>	<b>Kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI Luar Bandar</b>	<b>Min</b>	<b>S/P</b>
Lawatan	1.89	1.07	Tayangan petikan filem atau drama	1.88	1.12
			Lawatan	1.87	1.07

*Soal selidik dengan 5 pilihan jawapan: 1 = STK, 2 = TK, 3 = AK, 4 = K, dan 5 = SK*

Sebaliknya, tahap motivasi pelajar antara pelajar bandar dan luar bandar secara keseluruhan menyaksikan pelajar luar bandar bermotivasi tinggi berbanding pelajar bandar yang hanya berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan menunjukkan skor min keseluruhan motivasi pelajar luar bandar adalah 4.07 berbanding motivasi pelajar di sekolah bandar yang hanya 3.93 (Lihat Jadual 11).

**Jadual 11** Min motivasi dan sisihan piawai pelajar GCPI bandar dan luar bandar

<b>Item Kajian</b>	<b>Bandar</b>		<b>Luar Bandar</b>	
	<b>Min</b>	<b>S/P</b>	<b>Min</b>	<b>S/P</b>
Pendidikan Islam lebih mudah dipelajari dan difahami berbanding dengan mata pelajaran lain	4.25	0.81	4.31	0.80
saya berminat mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam	4.38	0.73	4.41	0.71
saya sering berbincang dengan guru saya berhubung dengan masalah dalam Pendidikan Islam	3.41	0.96	3.48	1.05
saya suka memberikan pendapat semasa sesi pengajaran Pendidikan Islam	3.27	1.03	3.16	1.01
saya selalu memberikan tumpuan sepenuhnya semasa guru mengajar	3.80	0.91	3.97	0.88
saya belajar pendidikan Islam bukan hanya untuk lulus peperiksaan	4.11	1.16	4.45	0.83
saya terpaksa belajar pendidikan Islam kerana mata pelajaran wajib	4.26	1.18	4.64	0.77

pujian daripada guru mendorong saya melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Islam	3.34	1.25	3.46	1.17
hadiah daripada guru mendorong saya melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Islam	2.85	1.26	2.96	1.23
saya suka membuat latihan Pendidikan Islam	3.68	0.92	3.70	0.94
saya yakin bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam adalah penting untuk pembentukan diri saya	4.60	0.70	4.67	0.66
saya akan berasa kecewa sekiranya tidak mencapai peratusan yang baik dalam pendidikan Islam	4.50	0.80	4.60	0.77
saya belajar Pendidikan Islam dengan bersungguh-sungguh kerana ingin mendapat keputusan yang cemerlang	4.35	0.95	4.47	0.82
saya kisah jika pencapaian Pendidikan Islam SPM saya hanya lulus sahaja	4.19	1.22	4.65	0.82
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.93</b>		<b>4.07</b>
<b>N</b>		<b>355</b>		<b>322</b>

Soal selidik dengan 5 pilihan jawapan: 1 = STK, 2 = TK, 3 = AK, 4 = K, dan 5 = SK

**Jadual 12** Korelasi kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran dengan motivasi pelajar antara pelajar bandar dan luar bandar

			<b>Motivasi Pelajar</b>	<b>Kaedah dan Teknik P&amp;P</b>
<b>BANDAR</b>	<b>Motivasi Pelajar</b>	Pearson Correlation	1	.528**
		Sig. (2-tailed)		.000
		N	355	355
	<b>Kaedah dan teknik P&amp;P</b>	Pearson Correlation	.528**	1
		Sig. (2-tailed)	.000	
		N	355	355
<b>LUAR BANDAR</b>	<b>Motivasi Pelajar</b>	Pearson Correlation	1	.392**
		Sig. (2-tailed)		.000
		N	332	332
	<b>Kaedah dan teknik P&amp;P</b>	Pearson Correlation	.392**	1
		Sig. (2-tailed)	.000	
		N	332	332

\*\**. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01(2 hujung).*

Tahap kajian juga meneliti hubungan antara kaedah pengajaran dan pembelajaran terhadap motivasi pelajar bandar dan luar bandar. Hipotesis nol kajian ditolak

kerana terdapatnya hubungan yang signifikan pada paras yang tinggi bagi antara kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI terhadap motivasi pelajar bandar dengan  $r = 0.528$  signifikan pada paras sederhana antara kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI terhadap motivasi pelajar luar bandar dengan dapatan  $r = 0.392$ . Hal ini demikian kerana menurut Pallant (2007), bahawa nilai  $r$  pada paras 0.50 sehingga 1.00 menunjukkan korelasi signifikan pada aras tinggi, manakala nilai  $r$  pada paras 0.30 sehingga 0.49 menunjukkan aras korelasi signifikan yang sederhana.

**Jadual 13** Indikator korelasi menurut Pallant (2007)

<b>Indikator</b>	<b>Nilai <math>r</math></b>
<i>Tinggi</i>	0.50-1.00
<i>Sederhana</i>	0.30-0.49
<i>Rendah</i>	0.10-0.29
Pallant (2007)	

## 7.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Secara umum, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran sekolah oleh GCPI bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan guru GCPI di luar bandar. Bagi kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran, terdapat persamaan yang ketara antara kedua-duanya. Penumpuan kaedah pengajaran dan pembelajaran juga banyak kepada pencapaian peperiksaan, justeru kaedah latih tubi latihan untuk peperiksaan berada pada paras yang tinggi yang paling kerap digunakan oleh GCPI di sekolah luar bandar atau dibandar. Dapatan ini selaras dengan pandangan Miller (2008) bahawa guru banyak melaksanakan kaedah latih tubi di atas kertas edaran kerana ingin menjaga prestasi akademik para pelajar serta ingin memastikan pelajar mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan kaedah berpusatkan guru lebih ketara untuk pelajar GCPI luar bandar berbanding pelajar GCPI di bandar. Hal ini terbukti bahawa kaedah berpusatkan guru berada pada paras skor min yang tinggi kekerapan penggunaan, iaitu 'bercerita' dan terdapat pula lapan kaedah berpusatkan guru di sekolah GCPI luar bandar berbanding hanya enam di sekolah GCPI bandar pada kategori yang sederhana tinggi. Selain itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran sekolah GCPI luar bandar didapati lebih pasif

berbanding pelajar GCPI di bandar. Hal ini demikian terbukti bahawa penggunaan kaedah *brainstorming*, forum, meramal masa depan, pengurusan peta minda, pengurusan grafik, simulasi, kajian perpustakaan, projek, dan permainan yang kurang kekerapan penggunaannya bahkan kadang-kadang jauh ketinggalan di sekolah GCPI luar bandar berbanding sekolah GCPI bandar. Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran juga ketara antara GCPI bandar dan luar bandar. Kajian ini mendapati GCPI bandar memiliki kepelbagaian kaedah yang lebih tinggi dengan lebih sebanyak tiga kaedah pada aras kekerapan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sederhana tinggi berbanding dengan GCPI luar bandar. Begitu juga kepelbagaian kaedah pada kekerapan kaedah pengajaran dan pembelajaran kategori sederhana rendah dan rendah didapati agak rendah untuk GCPI bandar berbanding luar bandar dengan lebih dua kaedah bagi kategori sederhana rendah dan lebih satu kaedah bagi kategori rendah. Dapatan ini pada asasnya adalah selari dengan pandangan al-Syaibani (1979) yang menjelaskan bahawa sesuatu metode mestilah mengikut kesesuaian tempat dan keadaan. Dalam konteks ini, guru yang mengajar perlu menentukan metode dan situasi yang sesuai untuk para pelajarnya.

Dapatan kajian ini juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sekolah GCPI bandar dan luar bandar. Tahap motivasi pelajar luar bandar adalah lebih tinggi berbanding pelajar bandar. Namun, hubungan antara motivasi pelajar dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran pelajar GCPI luar bandar didapati lebih rendah dengan hanya berada pada paras sederhana berbanding pelajar luar bandar yang berada pada paras tinggi. Pada pandangan pengkaji, motivasi pelajar GCPI luar bandar adalah lebih tinggi berbanding pelajar GCPI bandar adalah kerana mereka banyak dipengaruhi oleh motivasi GCPI. Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Ghazali Othman (1979) yang menunjukkan bahawa tahap komitmen guru dan kepuasan bekerja guru di luar bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan di bandar.

Pada pandangan pengkaji perbezaan penggunaan kaedah GCPI bandar dan luar bandar ini juga bergantung kepada kemudahan sekolah. Kemudahan seperti perpustakaan, kemudahan komputer untuk guru, peralatan permainan pembelajaran dan kemudahan video/audio memberi kesan skor min yang lebih tinggi kepada GCPI bandar berbanding skor min GCPI luar bandar. Sebagai contoh, GCPI di bandar banyak menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah projek, kajian perpustakaan, pengurusan grafik dan peta minda, dan persembahan petikan filem dan drama berbanding GCPI luar

bandar. Jika diteliti kaedah tayangan petikan filem atau drama berada pada paras kategori rendah bagi sekolah luar bandar. Begitu juga kaedah projek, kajian perpustakaan, pengurusan grafik dan peta minda ini menunjukkan skor min penggunaan kaedah ini di bandar adalah lebih tinggi daripada sekolah luar bandar. Hal ini demikian pada pandangan pengkaji adalah kerana sekolah bandar yang prasarana yang lebih baik sudah tentu memberikan peluang kepada GCPI untuk menggunakan kaedah yang lebih mencabar dan berpusatkan pelajar berbanding GGPI luar bandar. Dapatan ini juga bersamaan dengan dapatan yang dihasilkan oleh Hashim *et al.* (2010) yang menunjukkan bahawa bahawa BBM, gaya pengajaran guru, dan kemudahan sekolah membantu kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah.

Begitu juga dengan situasi dan tahap pelajar antara kedua-dua sekolah sudah tentu memberikan pertimbangan kepada GCPI untuk menggunakan metode yang sesuai dengan tahap kemampuan akademik para pelajar mereka. sebagai contoh, sesi kaedah sumbang saran, soal jawab dan perbincangan dalam kumpulan yang merupakan kaedah lebih mencabar pemikiran kreatif di dalam kelas namun kurang digunakan oleh GCPI luar bandar berbanding GCPI bandar. Hal ini membuktikan bahawa pelajar bandar lebih terdedah dan lebih kreatif hasil kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih mencabar oleh GCPI. Hal ini sebenarnya ada ditegaskan oleh Pierce dan Lorber (1967) yang menjelaskan bahawa strategi atau kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu mampu bersifat fleksibel. Menurut Pierce dan Lorber lagi bahawa kaedah pelajaran yang baik atau yang praktis tidak dapat ditentukan dalam semua keadaan, masa, topik pelajaran dan kemahiran pelajar. Hal ini disebabkan wujudnya perbezaan dalam kalangan guru, pelajar dan juga topik pelajaran.

## 8.0 CADANGAN

Berdasarkan dapatan, beberapa cadangan dikemukakan untuk tujuan pembaikan bagi mengurangkan jurang perbezaan kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI sekolah luar bandar agar motivasi pelajar berada pada aras signifikan yang tinggi terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI tersebut. Antaranya:

- (1) Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM):



- (a) memberikan bantuan kewangan yang lebih besar kepada sekolah luar bandar berbanding sekolah bandar. Dengan ini, guru-guru dan GCPI luar bandar boleh menggunakan kemudahan untuk mengaplikasikan kaedah dan teknik dengan lebih pelbagai.
- (b) Pelaksanaan pengukuran dan penilaian yang berorientasikan peperiksaan seharusnya dikurangkan oleh KPM agar kaedah pengajaran dan pembelajaran tidak terlalu berpusatkan peperiksaan. Dengan pengurangan kaedah ini, guru-guru termasuk GCPI tidak terlalu menumpukan kepada kaedah latih tubi sehingga menghilangkan keseronokan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Hal ini demikian kerana tujuan pengajaran dan pembelajaran adalah untuk membentuk pelajar menjadi insan soleh selaras dengan matlamat Pendidikan Islam.
- (c) Kementerian Pelajaran Melaysia (KPM) juga wajar memberikan kursus kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK) yang khusus untuk pelajar luar bandar kepada GCPI dan guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah luar bandar agar mereka mempunyai keupayaan untuk menggunakan kaedah dan teknik yang lebih menjana minda kritis kreatif para pelajar mereka supaya setara dengan para pelajar bandar.

(2) Pihak sekolah:

- (a) Kewangan yang disalurkan oleh KPM ke sekolah-sekolah harus mempunyai matlamat asal penubuhan sekolah, iaitu untuk menjadikan sekolah sebagai tempat menjana pengalaman yang menyeronokkan melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Justeru, kemudahan yang menyentuh kepada pengajaran dan pembelajaran perlu diutamakan dalam pembangunan sekolah. Penyediaan perpustakaan sekolah yang kondusif, kelengkapan komputer untuk guru dan pelajar yang tercanggih, bilik tayangan yang kondusif dan peralatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan permainan yang membina minda seharusnya menjadi keutamaan pihak pentadbiran sekolah terutama sekolah luar bandar agar guru dapat mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka.

- (b) Pentadbiran sekolah perlu mewujudkan suasana keagamaan dan disiplin yang tinggi agar motivasi para pelajar khususnya sekolah bandar tetap tinggi dan mempunyai matlamat yang jelas tujuan mempelajari subjek Pendidikan Islam.
- (3) Guru dan GCPI:
- (a) GCPI luar bandar perlu memilih kaedah yang lebih berpusatkan pelajar dengan kepelbagaiannya perlu ditambah.
  - (b) GCPI digalakkan menggunakan kaedah yang lebih membuka minda para pelajar mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti perbincangan kumpulan, memberi pandangan dan idea kritis serta kreatif, aktiviti yang meningkatkan nilai perbandaran dan peradaban mereka.
  - (c) GCPI bandar perlu sentiasa menjelaskan matlamat dan tujuan mempelajari Pendidikan Islam supaya pelajar jelas bahawa Pendidikan Islam adalah untuk kebahagiaan mereka bukan sahaja di dunia bahkan di alam akhirat.
  - (d) GCPI bandar perlu meningkatkan teknik motivasi yang didapati amat kurang berbanding GCPI luar bandar. Teknik ini penting agar pelajar sentiasa memandangkan berat tentang tujuan dan matlamat setiap bidang kurikulum Pendidikan Islam yang mereka pelajari.
  - (e) Matlamat asal Pendidikan Islam untuk membentuk pelajar menjadi insan soleh berbanding tumpuan kepada kejayaan peperiksaan para pelajar. Justeru, kaedah latihan tubi sepatutnya seimbang dengan kaedah amali dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam supaya pelajar lebih menghayati ajaran Islam sebenar seterusnya berjaya dalam peperiksaan.

Demi kemajuan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di Malaysia, ketiga-tiga pihak, iaitu KPM, sekolah, GCPI, dan guru Pendidikan Islam sendiri perlulah proaktif untuk meneliti dan mengambil iktibar daripada cadangan berdasarkan hasil kajian ini.

## 9.0 PENUTUP

Jelas sekali, persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI yang merupakan guru contoh dan teladan kepada guru Pendidikan Islam yang lain. Sebarang kekurangan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang didapati dalam kajian ini perlu diambil berat oleh GCPI di sekolah untuk dijadikan iktibar serta diperbaiki agar GCPI benar-benar menjadi orang yang dinamik, progresif serta dihormati kepada khalayak guru Pendidikan Islam dan guru-guru yang lainnya.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan. 1998. *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam Jilid Dua*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abdullah Nasir Ulwan. 1988. *Tarbiyyah al aulad fi al Islam*. Al-Qahirah: Dar al-Islam.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. t.t. *Ihya' 'Ulum al Din*. Jil. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumi. 1979. *Falsafah al tarbiyyah al Islamiyyah*. Libya: Al-Mansya'ah al-Sya'biyyah li al-Nasyr wa al-Tauzi' wa l'an.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Tesis PhD Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berliner, D.C. 2005. The Near Impossibility of Testing for Teacher Quality. *Journal of Teacher Education*. 56: 205-213.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. 2003. *Qualitative Research for Education: An Introduction To Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Che Zakiah binti Mohamad Salim. 2005. *Persepsi Murid Terhadap Personaliti Guru Pendidikan Islam di Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cohen, L. & Manion, L. 1985. *Research Methods in Education*. London: Croom-Helm.
- Debevec, Kathleen; Shih, Mei-Yau; Kashyap, Vishal. 2006. Learning Strategies and Performance In a Technology Integrated Classroom in *Journal of Research on Technology in Education*. Eugene: Spring. 38(3): 293-307.
- Fuller, F. F. 1969. Concerns of Teachers: A Developmental Conceptualization. *American Education Research Journal*. 6: 207-226.
- George, D., & Mallery, P. 2003. *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference. 11.0 Update*. 4th ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Ghazali Othman. 1979, An Investigating if the Source of Job Satisfaction of Malaysian School Teacher. A Ph.D. Los Angeles: University Of California.
- Hashim, Shahrin and Bailun, Herdy. 2010. *Perbandingan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Antara Sekolah Di Bandar dan Luar Bandar*. Kajian penyelidikan UTM. <http://eprints.utm.my/10533/>, [dimuat turun pada 04/05/2011].
- Hsu, Yu-Chiung & Shiue, Ya-Ming. 2005. The Effect of Self-Directed Learning Readiness on Achievement Comparing Face-To-Face and Two-Way Distance Learning Instruction in *International Journal of Instructional Media*. New York: 32(2): 143-156.
- James, David. 2005. Are Four Minds Better Than One? A Study on the Efficacy of Group Work in *College and University*. Washington: 80(3): 47-48.

- Miller, J. E. in Salkind N. J. 2008. *Encyclopedia of Educational Psychology*. Los Angeles: Sage Publication.
- Mohamad Khairul Azman bin Ajuhary. 2006. *Kajian Terhadap Tahap Kesediaan guru guru Pelatih Program Minor Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nunally, J. C. 1978) *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Publication Company.
- Owens, Lynn. 2006. Teacher Radar: The View from the Front of the Class in *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*. 77(4): 29-34.
- Pallant, Julie. 2007. *SPSS Survival Manual*. Second edition. London: Open University Press.
- Pierce, W & Lorber, M. A. 1967. *Objectives and Methods for Secondary Teaching*. Englewoods Cliffs: N.J. Prentice Hall.
- Pratte, J. & Laposata, M. 2005. The ESA21 Project: A Model for Civic Engagement. in *Journal of College Science Teaching*. Washington. 35(3): 39-43.
- Rosoff, Amy. 2007. The Reality of Unreality: Using Imagination as a Teaching Tool in *English Journal (High school edition)*. Urbana. 96(3): 58-62.